

Ismail Noor

EDISI KHAS

*Pak Lah*

KEPIMPINAN  
BERTERASKAN

AKAUNTABILITI





Munculnya pemimpin yang  
bersifat moden, kosmopolitan  
dan saksama.



ALTRUISTIC LEADERSHIP CENTRE

**Thinker's  
LIBRARY**

THINKER'S LIBRARY





*Pak Lah*

**KEPIMPINAN BERTERASKAN  
AKAUNTABILITI**

**KETERAMPILAN SEORANG NEGARAWAN  
— SATU TINJAUAN**

---

ISMAIL NOOR



**Thinker's  
LIBRARY**

THINKER'S LIBRARY  
PUSTAKA PERDANA



1005955

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

THINKER'S LIBRARY SDN. BHD.  
 123, Jalan Jasa 3, Taman Jasa, Sungai Tua,  
 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
 Tel: (603) 6189 7570 Fax: (603) 6187 8525  
 E-mail: thinkers@tm.net.my

Diterjemahkan oleh Dato' Dr. Ismail Noor

Edisi Bahasa Inggeris:

*Pak Lah — A Sense of Accountability*

Terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

© Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Edisi Bahasa Melayu:

*Pak Lah — Kepimpinan Berteraskan Akauntabiliti*

Terbitan Thinker's Library Sdn. Bhd.

© Dato' Dr. Ismail Noor

H/p: 012-6692247 E-mail: norcnsul@tm.net.my

Terbitan Pertama Edisi Bahasa Melayu 2004

*Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, samada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu*

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
 Ismail Noor

Pak Lah: kepimpinan berteraskan akauntabiliti.

Mengandungi index.

Bibliography: ms. 227

ISBN 967-69-0397-3

ISBN 967-69-0398-1 (kkt.)

1. Abdullah Haji Ahmad Badawi, Dato' Seri, 1939-.

2. Prime ministers — Malaysia. 3. Malaysia — Politics and government.

I. Judul.

320.9595092

Dicetak oleh Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

320.959  
 ISM



# DEDIKASI

Kepada  
semua pemimpin  
dalam semua sektor —  
agar dapat menghayati bersama  
konsep *akauntabiliti* serta berpegang  
kepada etos: “Sekiranya sesuatu perlu  
dilakukan, maka biarlah saya  
yang melakukannya!”



## **Fahaman Hidup Pak Lah:**

*“Saya merentasi dunia ini hanya sekali. Segala kebaikan yang boleh saya lakukan untuk insan seabdi, biarlah saya lakukannya sekarang. Janganlah saya menangguhkannya kerana saya tidak akan kembali pada laluan ini lagi.”*



# Isi Kandungan

❑ <i>Penghargaan</i>	vii
❑ <i>Pengenalan</i>	ix
01. Pak Lah – Sejarah Awal	1
02. Latarbelakang Personaliti: Satu Imbasan	5
03. Bibit-Bibit Politik Pak Lah	13
04. Tanggungjawab Sebagai Menteri	18
05. Kematangan Pak Lah Dalam Politik	25
06. <i>Mr. Nice Guy</i> : Persoalan Persepsi	29
07. Pendekatan Holistik	48
08. Pak Lah — Kepimpinan Altruistik	54
09. Pemimpin Prihatin Berjiwa Rakyat	59
10. Akauntabiliti: Perspektif Kepimpinan	69
11. Tahun 2002: Ujian Kepimpinan Pak Lah	90
12. Pemimpin Teruji Di Pentas Dunia	99
13. Kebimbangan Pak Lah Terhadap Penghindaran Akauntabiliti	107
14. Pak Lah: Memupuk Nilai-Nilai Bersama	118
15. Pak Lah: Mengenai Globalisasi	124
16. Pak Lah: Isu Melayu	130

17. Pimpinan Yang Mantap	136
18. Mendapatkan Sokongan Pelajar	144
19. Kepintaran Berpolitik Pak Lah	150
20. Dari Aspek Moral	170
21. Pak Lah Sebagai Pentadbir	180
22. Pak Lah Bersemangat Pasukan	187
23. Pak Lah Pemimpin Islam Yang Pragmatik	194
24. Mengurus Portfolio Keselamatan Dalam Negeri	204
25. Masa Depan: Mempertingkatkan Akauntabiliti	210
□ <i>Catatan Penamat — Endnotes</i>	223
□ <i>Bibliografi</i>	229
□ <i>Indeks</i>	230
□ <i>Mengenai Penulis</i>	234

## Penghargaan

Kepada semua rakan-rakan dan kenalan yang sudi diwawancara untuk tujuan penerbitan buku ini. Kepada YB Dato' Hj Zulhasnan Rafique, Ahli Parlimen, dan dengan sokongan beliau melalui Yayasan Amal Wangsa membolehkan penerbitan buku ini. Terima kasih untuk masa dan pandangan kalian.

Kepada wartawan/kolumnis akhbar tempatan serta pengarang buku-buku berkenaan yang menjadi sumber maklumat tambahan yang tak ternilai. Kepada anak saya, Elina Noor, selaku editor yang kompeten menyunting deraf asal sehingga terhasilnya buku ini. Kepada isteri saya, Marina, yang menjadi sumber inspirasi sepanjang tempoh penulisan ini. Kepada Utusan Publications, khususnya Faridah Shamsudin @ Sani, kerana usaha beliau memastikan buku ini diterbitkan pada masa yang dijadualkan. Kepada Mohamad Fazal Khan yang banyak berusaha menjayakan penerbitan buku ini. Kepada semua yang terlibat, yang sudi diwawancara, yang memberi sokongan atau pandangan tetapi tidak disebut nama anda sekalian atas kealpaan saya, maaf dan terima kasih sekali lagi.

Kepada T.Y.T. Tun Abdul Rahman Abas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, di atas kesudiannya untuk melancarkan buku ini (edisi asalnya) pada masa yang sesuai, di sebalik kesibukan beliau.

Setinggi-tinggi penghargaan, terima kasih istimewanya kepada YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang saya kenal baik sejak di universiti lagi, atas sokongan jitu beliau terhadap karier saya sebagai seorang penulis. Nama mesra beliau 'Pak Lah' digunakan sepanjang penulisan ini kerana itulah nama gemaran beliau yang pernah dipakai sejak tahun 1961, ketika beliau menyandang jawatan presiden Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), dan gelaran ini kekal sehingga sekarang.

Terima kasih kepada semua yang mendoakan dan mengucapkan selamat. Wassalam.

**ISMAIL NOOR**



## Pengenalan

Pada awal 1999, apabila temuramah pertama untuk penulisan buku ini diadakan, ketika di ambang alaf baru, jika soalan diajukan kepada sesiapa jua mengenai pandangan mereka terhadap Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi (pada masa itu Timbalan Perdana Menteri Malaysia) jawapan spontan yang akan diperolehi mengenai personaliti beliau adalah seperti berikut:

- *Oh, orangnya baik, ringkas dan merendah diri;*
- *Beliau seorang yang boleh dipercayai...;*
- *Beliau alim, lurus... tak mempunyai agenda tersembunyi;*
- *Mungkin kurang dinamik dan berwawasan... tetapi seorang yang berprinsip;*
- *Baik dan bersih;*
- *Sentiasa tenang dalam keadaan mencabar;*
- *Tak sombong, mudah didekati...; dan*
- *Beliau bersifat tekun atas keutamaan akauntabiliti.*

Respons terakhir ini, oleh seorang rakan perunding, yang menggerakkan penulis untuk melakukan analisis tentang tahap *akauntabiliti* atau pertanggungjawapan Pak

Lah, serta meninjau mengenai hala tuju beliau sebagai seorang pemimpin negara. Di dalam teks yang menyusul, pembaca akan disajikan dengan siri-siri analisis temubual, coretan-coretan akhbar dan beberapa insiden yang berlaku sepanjang karier Pak Lah sebagai seorang pegawai awam dan pemimpin politik negara bagi membolehkan pembaca membuat penimbangannya sendiri; sama ada Pak Lah benar-benar menunjukkan sifat pertanggungjawapan beliau atas segala pengucapan dan tindakan beliau semasa memegang jawatan sebagai orang nombor dua dalam pentadbiran negara, selaku Timbalan Perdana Menteri, dan seterusnya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Pak Lah, seorang bekas pegawai perkhidmatan awam, ahli politik yang matang, seorang Muslim yang pragmatik, anak seorang guru agama dan cucu kepada seorang ulama terkemuka, menteri kabinet kerajaan, Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Perdana Menteri Malaysia. Buku ini menulis mengenai seorang pemimpin yang bukan sahaja teguh pegangan agamanya, tetapi juga sentiasa seiring dengan segala hasrat murni kerajaan serta patriotik terhadap negaranya sepanjang tempoh lebih 38 tahun berkhidmat.

Beliau seorang yang begitu merendah diri, peramah dan mementingkan kesejahteraan institusi keluarga (melalui Yayasan Budi Penyayang Malaysia diterajui Kak Endon). Pak Lah sentiasa mencari ikhtiar mengutarakan ciri-ciri yang amat sesuai bagi sebuah negara majmuk seperti Malaysia. Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia terus membangun sebagai sebuah negara kosmopolitan yang dicemburui negara lain. Malaysia dengan masyarakat berbilang kaum,

berbilang agama dan berbilang budaya selama lebih 47 tahun kini telah berjaya mewujudkan penyatuan rakyat yang bersatu, bersemangat dan berjiwa Asia sebenarnya.

Dengan izin Allah SWT, Malaysia akan terus membangun dan berharmoni penghidupan rakyat jelatanya.

**ISMAIL NOOR**

